

Lima model astaka tilawah terpilih ke akhir

UM 29 JUL 2003

KUALA LUMPUR 28 Julai – Sebanyak lima model reka bentuk astaka untuk Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa layak ke peringkat akhir bagi membolehkan salah satu daripadanya dipilih sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk dijadikan astaka bagi majlis tilawah Disember ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, lima model itu adalah hasil kreativiti pelajar Universiti Islam Antarabangsa

(UIA), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR).

“Sepuluh daripada 66 penyertaan yang dipilih sebelum ini adalah amat menarik dan menepati konsep yang dikehendaki.

“Agak sukar bagi saya untuk memilih lima model untuk dimajukan kepada Perdana Menteri sebelum beliau memilih satu sebagai model astaka majlis tilawah nanti,” katanya selepas menyaksikan Majlis Persembahan dan Pemilihan Reka Bentuk Astaka untuk

Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-45 pada 17 Disember ini.

Pertandingan mencipta astaka untuk majlis tilawah al-Quran telah dibuka kepada kakitangan agensi kerajaan, badan berkanun dan institusi pengajian tinggi 16 Jun lalu dan ditutup 24 Julai.

Bagaimanapun hanya 10 daripadanya layak ke peringkat separuh akhir.

Daripada jumlah itu, hanya lima model astaka dipilih oleh Abdul Hamid hari ini untuk dipanjangkan kepada Dr. Mahathir yang akan memilih salah satu daripadanya.

Beliau berkata, penyertaan yang diterima pada tahun ini menggalakkan.

Abdullah dan Hisyam Ali dari JKR Kuala Lumpur; Fairul Isafiq, Azlizawati

reen Johar, Nurul Azzah Mokhtar dan Noor Izzah Ibrahim (UiTM, Perak);

Chek Awang, Mohd. Hadry Masri Onn, Hairulmizam Harun dan Norazlin-

Model-model itu dihasilkan oleh Syaharani Jamel (UIA); Shahiza Az-
Ibrahim dan Noor Haniza Yuazwan Jusoh, Syed da Norakahbar (UiTM, silkan oleh Syaharani Jamel (UIA); Shahiza Az-
Musa Syed Azim, Azrina Shah Alam).